

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]
TARIKH : 17 MAC 2015
SOALAN :

YB Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan

- a) jumlah peruntukan untuk membaik pulih hospital Kerajaan dan membina semula Klinik Kesihatan yang musnah akibat bencana banjir besar di negara ini; dan
- b) berapakah jumlah Klinik Kesihatan yang dibaik pulih dan bina baru di Parlimen Libaran.

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah meluluskan peruntukan sebanyak RM200 juta kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melibatkan agihan sebanyak RM15.94 juta untuk pembaikan hospital, RM80 juta untuk pembaikan segera klinik dan kuarters selebihnya untuk pembelian peralatan perubatan dan bukan perubatan. Peruntukan ini hanya melibatkan negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak.

- b) Untuk makluman, Hospital Kerajaan di negeri Sabah tidak terlibat dan terjejas dengan bencana banjir besar yang melanda negara baru-baru ini. Bagi klinik di Parlimen Libaran, pada masa ini terdapat tujuh (7) buah klinik yang sedang dibaikpulih iaitu Klinik Kesihatan Pulau Libaran, Klinik Kesihatan Nunuyan, Klinik Kesihatan Sungai Manila, Klinik Kesihatan Ulu Dusun, Klinik Kesihatan Batu 10, Klinik Desa Batu 7 dan Klinik Desa Gum-Gum. Walau bagaimanapun, kesemua klinik tersebut dibaikpulih bukan disebabkan terjejas banjir. Tiada klinik yang terjejas ketika bencana banjir melanda negara kita baru-baru ini. Pada masa ini, tiada klinik baru yang sedang dibina di Parlimen Libaran.